



# **PANDUAN EJEN KASTAM DI BAWAH SEKSYEN 90 AKTA KASTAM 1967**

**Diterbitkan oleh:**

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia**

**Bahagian Perkastaman**

**Putrajaya**

**22 April 2025**

## **Penerbitan**

Tarikh: 22 April 2025

## **Notis Hakcipta**

Hakcipta 2025 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hakcipta terpelihara, tertakluk kepada Akta Hakcipta 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbit semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

## **Penafian**

Panduan ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967 dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang dasar kelulusan sebagai Ejen Kastam. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah berkaitan dengan kelulusan sebagai Ejen Kastam secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif bagi memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat daripada panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

## **KANDUNGAN**

1. SIAPA ITU EJEN KASTAM? .....	1
2. SIAPA YANG BOLEH MEMOHON? .....	2
3. SYARAT-SYARAT KELULUSAN SEBAGAI EJEN KASTAM .....	3
4. BAGAIMANA HENDAK MEMOHON? .....	10
5. BAGAIMANA HENDAK MEMOHON KELULUSAN PEMBAHARUAN? .....	12
6. TEMPOH KELULUSAN .....	13
7. BAGAIMANA JIKA TERDAPAT PERUBAHAN MAKLUMAT SYARIKAT? .....	14
8. BAGAIMANA EJEN KASTAM BOLEH DILANTIK? .....	16
9. PENAMBAHAN / PEMBATALAN KAKITANGAN SYARIKAT YANG BERURUSAN DENGAN JABATAN .....	17
10. PAS PENGENALAN EJEN KASTAM .....	19
11. PEMBATALAN / PENAMATAN KELULUSAN SEBAGAI EJEN KASTAM .....	20
12. TINDAKAN SALAH LAKU KE ATAS EJEN KASTAM .....	21
13. KETEKUNAN SEWAJARNYA ( <i>DUE DILIGENCE</i> ) .....	21

## 1. SIAPA ITU EJEN KASTAM?

- Di bawah peruntukan Seksyen 90 Akta Kastam 1967, pengimport, pengeksport atau pengilang boleh melantik Ejen Kastam untuk melakukan sebarang transaksi kastam bagi pihak mereka.
- Ejen Kastam yang didaftarkan di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967 adalah terdiri daripada:
  - (i) Ejen Penghantaran (*Forwarding Agent*);
    - Mana-mana orang yang diluluskan sebagai Ejen Kastam di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967 untuk menguruskan pengikraran dan pelepasan dagangan daripada kawalan kastam.
  - (ii) Ejen Perkapalan (*Shipping Agent*); dan
    - Mana-mana orang yang diluluskan sebagai Ejen Kastam di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967 untuk menguruskan perkara yang berhubung dengan kemasukan atau pelepasan vesel.
  - (iii) Ejen Pengangkut Barang (*Freight Forwarder*).
    - Mana-mana orang yang diluluskan sebagai Ejen Kastam di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967 di dalam pengikraran manifes laut dan udara.

## 2. SIAPA YANG BOLEH MEMOHON?

- Permohonan baharu adalah terbuka kepada semua syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (bagi Semenanjung Malaysia) / Pihak Berkuasa Tempatan (bagi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan) dan syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016.

(i) Permohonan Baharu sebagai Ejen Penghantaran

- Permohonan baharu sebagai Ejen Penghantaran telah dibekukan oleh Jemaah Menteri berkuatkuasa pada 10 Oktober 2007 sehingga kini.
- Syarikat yang telah diberi kelulusan status Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (*International Integrated Logistics Services, IILS*) oleh *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) adalah tidak tertakluk kepada dasar pembekuan ini dan dibenarkan untuk mengemukakan permohonan baharu sebagai Ejen Penghantaran.

(ii) Permohonan Baharu sebagai Ejen Perkapalan atau Ejen Pengangkut Barang

- Permohonan baharu sebagai Ejen Perkapalan atau Ejen Pengangkut Barang adalah masih dibuka.

### **3. SYARAT – SYARAT KELULUSAN SEBAGAI EJEN KASTAM**

#### **3.1. Modal Berbayar**

- (i) Syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT):
  - Syarikat hendaklah mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya sebanyak RM 50,000.00.
  
- (ii) Syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016:
  - Syarikat hendaklah mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya sebanyak RM 100,000.00.

#### **3.2. Menghadiri Kursus dan Lulus Peperiksaan Yang Ditetapkan Oleh Jabatan**

- Terdapat dua kursus berkenaan Ejen Kastam yang ditawarkan, iaitu:
  - (i) Kursus Ejen Kastam (KEK) bagi Ejen Penghantaran; dan
  
  - (ii) Kursus Ejen Perkapalan (KEP) bagi Ejen Perkapalan dan Ejen Pengangkut Barang.
  
- KEK dan KEP adalah merupakan kursus anjuran Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan lain-lain badan atau pertubuhan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam.

- KEK dan KEP boleh disertai dengan menghubungi pihak AKMAL, UUM atau mana-mana persatuan Ejen Kastam yang berdaftar.
- Syarikat yang bertindak sebagai Ejen Kastam hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua orang wakil syarikat yang diwajibkan untuk menghadiri kursus dan lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh Jabatan, iaitu:
  - (i) Seorang ahli lembaga pengarah / pemilik / pengurus syarikat dan seorang kakitangan syarikat yang diluluskan untuk berurusan dengan Jabatan; atau
  - (ii) Dua orang ahli lembaga pengarah / pemilik / pengurus syarikat yang diluluskan untuk berurusan dengan Jabatan.
- Wakil syarikat yang telah menghadiri kursus serta lulus peperiksaan akan diberikan sijil kursus.
- Semua kakitangan syarikat yang telah diluluskan untuk berurusan dengan Jabatan adalah digalakkan untuk memiliki sijil kursus bagi tujuan pemahaman dan pematuhan ke atas undang-undang dan prosedur perkastaman yang berkuatkuasa.
- Mana-mana pemegang sijil kursus bagi syarikat Ejen Perkapalan atau Ejen Pengangkut Barang yang telah memiliki sijil Kursus Ejen Kastam (KEK) adalah dikecualikan daripada menghadiri kursus dan lulus peperiksaan Kursus Ejen Perkapalan (KEP).
- Sekiranya terdapat perubahan atau peletakan jawatan ahli lembaga pengarah / pemilik / pengurus atau kakitangan syarikat yang

merupakan pemegang sijil kursus, syarikat diberikan tempoh selama enam (6) bulan untuk mendapatkan pengganti.

- Pengecualian daripada menghadiri kursus dan lulus peperiksaan di bawah Seksyen 90(3) Akta Kastam 1967 boleh diberi pertimbangan kepada bekas anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia sahaja.
- Permohonan pengecualian hendaklah dikemukakan melalui borang yang boleh didapati daripada Unit Kawalan Ejen negeri yang mengawal.
- Permohonan pengecualian yang diluluskan akan diberikan Sijil Pengecualian Daripada Menghadiri Kursus Dan Lulus Peperiksaan.

### **3.3. Hadir dan Lulus Sesi Temuduga**

- Satu sesi temuduga akan dijalankan bagi setiap permohonan baharu sebagai Ejen Penghantaran atau Ejen Perkapalan untuk menilai pengalaman dan pengetahuan pemohon mengenai peraturan dan prosedur perkastaman.
- Sekurang-kurangnya dua orang wakil syarikat yang merupakan pemegang sijil kursus adalah dikehendaki untuk hadir dan lulus sesi temuduga.
- Permohonan baharu sebagai Ejen Pengangkut Barang adalah tidak tertakluk kepada keperluan ini.

### 3.4. Syarat Penyertaan Bumiputera

- Ejen Kastam hendaklah sentiasa memenuhi kehendak syarat penyertaan Bumiputera bagi setiap kriteria berikut:
    - ✓ Jumlah modal saham yang dimiliki oleh individu / syarikat Bumiputera;
    - ✓ Bilangan ahli lembaga pengarah / pemilik syarikat;
    - ✓ Bilangan kakitangan pengurusan; dan
    - ✓ Bilangan kakitangan sokongan.
- (i) Ejen Penghantaran (bukan berstatus IILS)
- a. Syarikat yang telah didaftarkan sebagai Ejen Penghantaran sebelum tahun 1976:
    - i. Syarikat hendaklah memenuhi syarat penyertaan Bumiputera sekurang-kurangnya sebanyak 51%.
    - ii. Syarikat diberikan tempoh sehingga 31 Disember 2021 untuk memenuhi syarat Penyertaan Bumiputera yang telah ditetapkan. Sekiranya gagal, kelulusan sebagai Ejen Penghantaran akan dibatalkan.
    - iii. Sebarang rayuan berkenaan pelanjutan tempoh boleh dikemukakan kepada Setiausaha Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan Malaysia.

- b. Syarikat yang telah didaftarkan sebagai Ejen Penghantaran di antara tahun 1976 sehingga tahun 1990:
  - i. Syarikat hendaklah memenuhi syarat penyertaan Bumiputera sekurang-kurangnya sebanyak 30%.
- c. Syarikat yang telah didaftarkan sebagai Ejen Penghantaran selepas tahun 1990:
  - i. Syarikat hendaklah memenuhi syarat penyertaan Bumiputera sekurang-kurangnya sebanyak 51%.

(ii) Ejen Penghantaran (berstatus IILS)

- a. Syarikat hendaklah memenuhi syarat penyertaan Bumiputera sekurang-kurangnya sebanyak 51%.
- b. Syarikat diberikan tempoh sehingga 31 Disember 2021 untuk memenuhi syarat Penyertaan Bumiputera yang telah ditetapkan. Sekiranya gagal, kelulusan sebagai Ejen Penghantaran akan dibatalkan.
- c. Sebarang rayuan berkenaan pelanjutan tempoh boleh dikemukakan kepada Setiausaha Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan Malaysia.

(iii) **Ejen Perkapalan atau Ejen Pengangkut Barang**

- a. Ejen Perkapalan atau Ejen Pengangkut Barang adalah tidak tertakluk kepada syarat penyertaan Bumiputera.
- b. Ejen Perkapalan atau Ejen Pengangkut Barang yang juga telah didaftarkan sebagai Ejen Penghantaran adalah tidak termasuk di dalam pengecualian ini dan dikehendaki untuk mematuhi kesemua syarat penyertaan Bumiputera yang telah ditetapkan.
- Pengecualian ke atas syarat penyertaan Bumiputera ini juga diberikan kepada:
  - (i) Syarikat yang telah mendapat kelulusan status IILS daripada MIDA, dimana majoriti ( $>51\%$ ) bilangan ahli lembaga pengarah dan pemegang saham adalah terdiri daripada pemilikan asing; atau
  - (ii) Ejen Penghantaran yang merupakan syarikat awam yang tersenarai di Bursa Saham Malaysia. Ejen Penghantaran yang merupakan anak syarikat kepada syarikat awam yang tersenarai di Bursa Saham Malaysia adalah tidak termasuk di dalam pengecualian ini dan dikehendaki untuk mematuhi syarat penyertaan Bumiputera.

### **3.5. Syarat-syarat Am**

- Selaras dengan peruntukan Seksyen 90(1)(aa) Akta Kastam 1967, syarikat yang bertindak sebagai Ejen Kastam hendaklah berdaftar

sebagai orang kena cukai di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

- Ejen Kastam hanya boleh bertindak bagi pihak pelanggan yang telah memberi kuasa secara bertulis untuk mewakili mereka.
- Ejen Kastam hendaklah memiliki premis perniagaan yang mempamerkan papan tanda perniagaan dan mempunyai kemudahan peralatan pejabat yang lengkap serta sistem perisian *Front End Software* bagi tujuan berurusan dengan kastam.
- Setiap Ejen Kastam adalah dikehendaki untuk mengemukakan cagaran bernilai RM10,000.00 dalam bentuk Bon Am mengikut format Borang Kastam No. 6.
- Ejen Kastam hendaklah tidak mempunyai sebarang cukai / duti / *hanging form* yang tertunggak dengan Jabatan.
- Ejen Kastam hendaklah sentiasa mengamalkan *due diligence* dan patuh kepada Kod Etika Ejen Kastam yang boleh diakses di pautan berikut: [https://www.customs.gov.my/ms/cp/Pages/cp\\_iimp.aspx](https://www.customs.gov.my/ms/cp/Pages/cp_iimp.aspx)
- Syarikat Ejen Kastam, ahli lembaga pengarah / pemilik syarikat, pemegang saham syarikat dan kakitangannya tidak boleh terlibat secara langsung atau secara tidak langsung di dalam kegiatan frod, penyelewengan, penyeludupan, atau mana-mana salah laku yang bertentangan dengan undang-undang dan Kod Etika Ejen Kastam.
- Kelulusan sebagai Ejen Kastam adalah tidak boleh disewa, dijual atau diserahkan kepada mana-mana pihak luar.

#### 4. BAGAIMANA HENDAK MEMOHON?

- Permohonan secara bertulis hendaklah dikemukakan kepada Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon / Pengarah Kastam Negeri / Pengarah Operasi dengan menggunakan borang yang boleh didapati daripada setiap Unit Kawalan Ejen negeri.
- Salinan dokumen-dokumen yang telah diakui sah hendaklah disertakan seperti berikut:
  - ✓ Surat iringan rasmi syarikat dengan *company letterhead*;
  - ✓ Sijil Pendaftaran Perniagaan / Perlembagaan Syarikat (dahulunya dikenali sebagai Memorandum dan Artikel Persatuan);
  - ✓ Maklumat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) syarikat yang terkini;
  - ✓ Sijil Pendaftaran (R.22 Pindaan 1/86) (bagi negeri Sarawak sahaja);
  - ✓ Pengesahan Pendaftaran Nama Perniagaan (*Extract of Registration of Business Name*) (bagi negeri Sarawak sahaja);
  - ✓ Borang 1-I.R.D No. 7 yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (bagi Negeri Sarawak sahaja);
  - ✓ Lesen Perniagaan (Ordinan Perlesenan Perniagaan 1948) (bagi Wilayah Persekutuan Labuan sahaja);
  - ✓ Lesen Berniaga (*Trading License*) (bagi Negeri Sabah sahaja);

- ✓ Sijil Kursus Ejen Kastam (KEK) / Kursus Ejen Perkapalan (KEP);
  - ✓ Senarai atau struktur organisasi syarikat yang lengkap;
  - ✓ Senarai maklumat kakitangan yang akan berurusan dengan Jabatan (Nama, Jawatan, No. Kad Pengenalan, Alamat dan Contoh Tandatangan);
  - ✓ Penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
  - ✓ Penyata bank syarikat bagi tiga bulan terkini (bagi syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 / PBT negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja);
  - ✓ Surat kelulusan pendaftaran di bawah Seksyen 13 Akta Cukai Perkhidmatan 2018;
  - ✓ Surat kelulusan status IILS daripada MIDA (sekiranya ada);
  - ✓ Surat pemilikan premis syarikat atau surat perjanjian penyewaan premis syarikat; dan
  - ✓ Bil elektrik dan bil air premis syarikat.
- 
- Cagaran bernilai RM 10,000.00 dalam bentuk Bon Am mengikut format Borang Kastam No. 6 hendaklah didaftarkan di Unit Kawalan Ejen negeri yang mengawal.
  - Permohonan baharu hendaklah ditandatangani oleh salah seorang ahli lembaga pengarah / pemilik atau seorang kakitangan pengurusan syarikat

yang telah diberi kuasa secara bertulis untuk bertindak bagi pihak ahli lembaga pengarah / pemilik syarikat tersebut.

## 5. BAGAIMANA HENDAK MEMOHON KELULUSAN PEMBAHARUAN?

- Setiap kelulusan Ejen Kastam adalah bertempoh dan perlu diperbaharui sebelum tarikh tamat kelulusan.
- Kelulusan yang tidak diperbaharui akan menyebabkan semua transaksi kastam terhalang.
- Permohonan pembaharuan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon / Pengarah Kastam Negeri / Pengarah Operasi dengan menggunakan borang yang boleh didapati daripada Unit Kawalan Ejen negeri yang mengawal.
- Permohonan pembaharuan juga hendaklah dikemukakan tidak lewat dari tempoh sembilan puluh (90) hari sebelum tarikh tamat kelulusan.
- Salinan dokumen-dokumen sokongan yang lengkap seperti mana yang ditetapkan bagi permohonan baharu hendaklah disertakan bersama permohonan pembaharuan.
- Permohonan pembaharuan hendaklah ditandatangani oleh salah seorang ahli lembaga pengarah / pemilik atau seorang kakitangan pengurusan syarikat yang telah diberi kuasa secara bertulis untuk bertindak bagi pihak ahli lembaga pengarah / pemilik syarikat tersebut.
- Sebarang tunggakan cukai / duti / *hanging form* hendaklah dijelaskan bagi menjamin kelulusan permohonan pembaharuan.

- Permohonan pembaharuan yang dikemukakan kurang dari tempoh sembilan puluh (90) hari sebelum tarikh tamat kelulusan boleh dikenakan tindakan kompaun.
- Mana-mana syarikat yang didapati telah gagal mengemukakan permohonan pembaharuan selepas tarikh tamat kelulusan boleh dikenakan tindakan pembatalan kelulusan.

## 6. TEMPOH KELULUSAN

- Tempoh kelulusan bagi permohonan baharu adalah selama satu (1) tahun.
- Tempoh kelulusan bagi permohonan pembaharuan adalah selama dua (2) tahun, dengan syarat kesemua syarat-syarat kelulusan sebagai Ejen Kastam telah dipatuhi sepenuhnya.
- Tempoh kelulusan selama lima (5) tahun juga boleh diberikan kepada Ejen Kastam, sekiranya Ejen tersebut telah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
  - (i) Telah mengemukakan penyata Cukai Perkhidmatan menepati tempoh cukai yang ditetapkan. Sekiranya pernah mengalami kelewatan, kelewatan tersebut adalah tidak melebihi tiga kali dalam tempoh setahun;
  - (ii) Tidak pernah membuat pengikraran yang tidak tepat dengan menukarkan maklumat deskripsi dagangan, kuantiti ataupun harga secara sengaja; dan

- 
- (iii) Telah mematuhi kesemua syarat-syarat kelulusan sebagai Ejen Kastam.

## 7. BAGAIMANA JIKA TERDAPAT PERUBAHAN MAKLUMAT SYARIKAT?

- Ejen Kastam hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Unit Kawalan Ejen negeri yang mengawal dalam tempoh empat belas (14) hari, sekiranya berlaku sebarang perubahan maklumat syarikat seperti berikut:
  - (i) Pertukaran nama syarikat;
  - (ii) Pertukaran status perniagaan syarikat;
  - (iii) Pertukaran alamat premis syarikat; dan
  - (iv) Penambahan pelantikan atau peletakan jawatan ahli lembaga pengarah / pemilik, pemegang saham, pemegang sijil kursus dan kakitangan syarikat yang telah diluluskan untuk berurusan dengan Jabatan.
- Senarai dokumen yang diperlukan bagi sebarang permohonan perubahan maklumat syarikat adalah seperti berikut:
  - ✓ Surat permohonan rasmi syarikat dengan *company letterhead* yang ditandatangani oleh salah seorang ahli lembaga pengarah / pemilik atau seorang kakitangan syarikat yang telah diberi kuasa secara bertulis untuk bertindak bagi pihak ahli lembaga pengarah / pemilik syarikat tersebut;

- ✓ Maklumat SSM atau maklumat syarikat yang didaftarkan di bawah PBT negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan **sebelum** perubahan;
  - ✓ Maklumat SSM atau maklumat syarikat yang didaftarkan di bawah PBT negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan **selepas** perubahan;
  - ✓ Salinan penyata bank syarikat bagi tiga bulan yang terkini (bagi syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 / PBT negeri Sabah, Sarawak & Wilayah Persekutuan Labuan sahaja);
  - ✓ Senarai atau struktur organisasi syarikat yang lengkap;
  - ✓ Salinan sijil kursus bagi pemegang-pemegang sijil syarikat;
  - ✓ Salinan surat kelulusan pendaftaran di bawah Seksyen 13 Akta Cukai Perkhidmatan 2018; dan
  - ✓ Salinan surat kelulusan status IILS daripada MIDA (sekiranya ada).
- Ejen Kastam yang didapati telah gagal memaklumkan perubahan maklumat syarikat dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh perubahan berlaku boleh dikenakan tindakan seperti berikut:
- (i) Tawaran kompaun;
  - (ii) Tindakan penggantungan sementara operasi sehingga kelulusan perubahan maklumat diperolehi; atau

- (iii) Tindakan pembatalan, sekiranya perubahan maklumat terkini didapati tidak memenuhi syarat-syarat kelulusan sebagai Ejen Kastam.

## 8. BAGAIMANA EJEN KASTAM BOLEH DILANTIK?

- Di bawah peruntukan Seksyen 90(1)(b) Akta Kastam 1967, Ejen Kastam tidak boleh bertindak bagi pihak pelanggan yang diwakilinya tanpa diberi kuasa secara bertulis oleh pelanggan tersebut.
- Permohonan pelantikan Ejen Kastam oleh pengimport, pengeksport atau pengilang hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon / Pengarah Kastam Negeri / Pengarah Operasi di Unit Kawalan Ejen negeri di mana dagangan hendak dilepaskan.
- Salinan maklumat SSM atau maklumat syarikat yang terkini yang didaftarkan di bawah PBT negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi pengimport, pengeksport atau pengilang yang ingin melantik Ejen Kastam berkenaan hendaklah disertakan semasa membuat permohonan pelantikan.
- Pengimport, pengeksport atau pengilang hanya dibenarkan untuk melantik sebanyak tiga (3) Ejen Penghantaran atau Ejen Perkapalan sahaja bagi setiap satu negeri.
- Sekiranya memerlukan lebih daripada tiga (3), permohonan penambahan pelantikan Ejen Kastam boleh dikemukakan kepada Unit Kawalan Ejen negeri yang berkenaan tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan.

- Pihak pelanggan tidak mempunyai sebarang had bilangan untuk melantik Ejen Pengangkut Barang bagi setiap satu negeri.
- Pelantikan dan pembatalan Ejen Kastam hanya boleh dilakukan di atas arahan bertulis oleh ahli lembaga pengarah / pemilik atau kakitangan pengurusan pelanggan berkenaan yang diberi kuasa secara bertulis untuk bertindak bagi pihak ahli lembaga pengarah / pemilik pelanggan tersebut.

## **9. PENAMBAHAN / PEMBATALAN KAKITANGAN SYARIKAT YANG BERURUSAN DENGAN JABATAN**

- Ejen Kastam boleh memohon untuk menambah kakitangan syarikat yang akan berurusan dengan Jabatan kepada Unit Kawalan Ejen negeri yang mengawal.
- Dokumen-dokumen sokongan yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:
  - ✓ Surat iringan rasmi syarikat dengan *company letterhead*;
  - ✓ Surat pemberian kuasa secara rasmi kepada kakitangan syarikat yang telah dilantik untuk berurusan dengan Jabatan;
  - ✓ Surat pengesahan pelantikan jawatan kakitangan tersebut di dalam syarikat;
  - ✓ Senarai maklumat kakitangan baharu yang akan berurusan dengan Jabatan (Nama, Jawatan, No. Kad Pengenalan, Alamat dan Contoh Tandatangan);
  - ✓ Salinan Kad Pengenalan kakitangan syarikat;

- ✓ Salinan Penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); dan
- ✓ Salinan Sijil KEK / KEP (sekiranya kakitangan adalah merupakan pemegang sijil).
- Kakitangan syarikat yang diluluskan untuk berurusan dengan Jabatan hendaklah merupakan:
  - (i) Kakitangan yang telah diberi kuasa secara bertulis oleh ahli lembaga pengarah / pemilik / pengurus syarikat untuk berurusan dengan pihak Jabatan;
  - (ii) Telah didaftarkan di dalam sistem Jabatan; dan
  - (iii) Diberikan Pas Pengenalan Ejen Kastam.
- Sebarang penamatan perkhidmatan kakitangan syarikat yang berurusan dengan Jabatan hendaklah dimaklumkan kepada Unit Kawalan Ejen negeri yang mengawal dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh tamat perkhidmatan kakitangan tersebut dengan menyertakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:
  - ✓ Surat iringan rasmi syarikat dengan *company letterhead*;
  - ✓ Senarai maklumat kakitangan yang hendak dibatalkan (Nama, Jawatan, No. Kad Pengenalan, Alamat dan Contoh Tandatangan); dan
  - ✓ Pas Pengenalan Ejen Kastam bagi kakitangan yang hendak dibatalkan.

- Sebarang tindakan pembatalan kakitangan syarikat juga hendaklah dimaklumkan kepada Unit Kawalan Ejen negeri yang mengawal terlebih dahulu mengikut tatacara yang sama seperti di atas.

## 10. PAS PENGENALAN EJEN KASTAM

- Setiap kakitangan syarikat Ejen Kastam yang telah diluluskan untuk berurusan dengan Jabatan akan diberikan Pas Pengenalan Ejen Kastam. Pas ini hendaklah dipakai pada setiap masa ketika berurusan.
- Mana-mana Ejen Kastam yang tidak memakai Pas Pengenalan Ejen Kastam adalah tidak dibenarkan untuk berada di dalam kawasan kastam mahupun berurusan dengan Jabatan.
- Pas Pengenalan Ejen Kastam akan dikeluarkan oleh Unit Kawalan Ejen negeri di mana kakitangan syarikat tersebut hendak berurusan, dengan syarat kelulusan kakitangan tersebut untuk berurusan dengan Jabatan telah diluluskan oleh Unit Kawalan Ejen negeri yang mengawal terlebih dahulu.
- Tempoh sahlaku Pas Pengenalan Ejen Kastam hendaklah berada dalam tempoh masa yang sama dengan tempoh kelulusan sebagai Ejen Kastam. Pas Pengenalan Ejen Kastam hendaklah diperbaharui bersama permohonan pembaharuan.
- Pas Pengenalan Ejen Kastam adalah tidak sah sekiranya pemegang pas tidak lagi berkhidmat dengan syarikat Ejen Kastam yang diwakilinya. Pas hendaklah dikembalikan dengan segera kepada Unit Kawalan Ejen negeri yang telah bertanggungjawab dalam pengeluaran pas tersebut.

- Kehilangan Pas Pengenalan Ejen Kastam hendaklah dilaporkan secara bertulis kepada Jabatan dengan segera disertai dengan salinan laporan polis yang sah. Pas yang hilang boleh dikenakan tindakan kompaun.
- Kakitangan syarikat Ejen Kastam adalah dikehendaki untuk mendapatkan surat kebenaran sementara daripada Unit Kawalan Ejen negeri yang bertanggungjawab dalam mengantikan pas yang telah hilang. Sementara menunggu pengeluaran pas yang baru, surat tersebut hendaklah sentiasa dibawa bersama semasa berurusan dengan Jabatan.

## **11. PEMBATALAN / PENAMATAN KELULUSAN SEBAGAI EJEN KASTAM**

- Ejen Kastam boleh memohon untuk membatalkan kelulusan yang telah diberikan dengan memaklumkan secara bertulis kepada Unit Kawalan Ejen negeri yang mengawal.
- Ejen Kastam yang tidak mengemukakan permohonan pembaharuan selepas tarikh tamat kelulusan akan dianggap tidak lagi berminat untuk meneruskan operasi perniagaan sebagai Ejen Kastam dan kelulusan boleh dibatalkan oleh Jabatan tanpa sebarang notis makluman.
- Kelulusan sebagai Ejen Kastam juga boleh dibatalkan oleh Jabatan pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang alasan dan notis makluman.

## 12. TINDAKAN SALAH LAKU KE ATAS EJEN KASTAM

- Tindakan-tindakan berikut boleh dikenakan ke atas Ejen Kastam sekiranya didapati gagal mematuhi syarat-syarat kelulusan, perundangan dan prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan ataupun terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam kegiatan firdaus, penyelewengan, penyeludupan atau salah laku *due diligence* dan Kod Etika Ejen Kastam:
  - Pemberian amaran;
  - Penawaran kompaun;
  - Pembatalan Pas Pengenalan Ejen Kastam;
  - Penyingkatan tempoh kelulusan;
  - Penggantungan sementara kelulusan;
  - Pembatalan kelulusan;
  - Syarikat Ejen Kastam / kakitangan disenarai hitamkan; dan
  - Tindakan pendakwaan di mahkamah.
- Selaras dengan Seksyen 143(1) Akta Kastam 1967, Ejen Kastam boleh mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Ketua Pengarah Kastam melalui Unit Kawalan Ejen negeri yang mengawal dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh tindakan diambil ke atasnya, sekiranya tiada rayuan yang sama telah dikemukakan kepada Tribunal atau Mahkamah Tinggi.

## 13. KETEKUNAN SEWAJARNYA (*DUE DILIGENCE*)

- Ejen Kastam perlu memahami kesemua keperluan *due diligence* serta patuh kepada Kod Etika Ejen Kastam.
- Ejen Kastam adalah tertakluk kepada hukuman dan penalti bagi kesalahan ketidakpatuhan kepada Kod Etika Ejen Kastam yang disabitkan di bawah Akta Kastam 1967 dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

## **PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai panduan ini, sila hubungi:

Bahagian Perkastaman

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 4 Utara, Kompleks Kementerian Kewangan

No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2

62596, Putrajaya.

Tel: 03 – 8882 2898

## RINGKASAN PINDAAN:

**Versi kedua: 25 April 2025**

1. Pindaan kepada Para 3.5 – Syarat-syarat Am, bullet ke-6 dipinda dengan menambah ayat seperti berikut:

“yang boleh diakses di pautan berikut:  
[https://www.customs.gov.my/ms/cp/Pages/cp\\_iimp.aspx](https://www.customs.gov.my/ms/cp/Pages/cp_iimp.aspx)”
2. Pindaan kepada Para 13 – Ketekunan Sewajarnya (Due Diligence) dipinda dengan menambah para yang baru selepas bullet pertama seperti berikut:

“Ejen Kastam adalah tertakluk kepada hukuman dan penalti bagi kesalahan ketidakpatuhan kepada Kod Etika Ejen Kastam yang disabitkan di bawah Akta Kastam 1967 dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.”